

## PEMBINGKAIAN ISU LIBERALISME AGAMA DALAM PORTAL BERITA DI MALAYSIA

*(The framing on religious liberalism issues in news portal in Malaysia)*

Shahrul Nazmi Sannusi & Nurimanah Seman

### ABSTRAK

Isu liberalisme agama sering menjadi perhatian akhbar di Malaysia terutamanya apabila menyentuh kedudukan Islam dalam perlembagaan. Kajian ini memfokuskan kepada liberalisme agama yang dibawa oleh G25 yang mengkritik Undang-undang Khalwat sebagai menceroboh peribadi orang awam. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti bagaimana *Malaysiakini*, *Utusan Online* dan *Sinar Online* melaporkan berita liberalisme agama. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat bentuk pembingkaihan daripada penonjolan dan pemilihan isu yang dilakukan oleh ketiga-tiga portal tersebut sebagai maklumat yang perlu diketahui oleh khalayak. Sebanyak 85 artikel dari ketiga-tiga portal telah dikumpulkan (mulai 1 November 2015 hingga 31 Januari 2016) dengan memberi tumpuan kepada isu pemansuhan undang-undang khalwat oleh G25. Hasil kajian mendapati bahawa tidak timbul isu mempolitikkan agama dalam kes liberalisme agama G25. Hasil kajian mendapati, *Utusan Online* dan *Sinar Online* mempertahankan Islam bersandarkan kepada perlembagaan walaupun mempunyai latar belakang pemilikan media yang berbeza. Selain itu kajian ini juga memberikan definisi istilah liberalisme agama yang diterjemahkan media sebagai sesuatu usaha yang berkaitan dengan meminggirkan agama, tidak suka hidup beragama dan menolak undang-undang yang mengongkong hak asasi dan kebebasan manusia. Pemilihan dan penonjolan yang dibuat media dalam isu ini menjadikan konsep liberalisme itu difahami sebagai mendatangkan bahaya kepada umat Islam. Menerusi analisis pembingkaihan, dapat dilihat dengan jelas apa yang ada dalam pemikiran pengamal media. Sama ada berita yang diterbitkan itu bertujuan untuk memberitahu, sekadar melaporkan atau mencetuskan kontroversi.

Kata Kunci: Pembingkaihan, Portal, Berita, G25, Liberalisme

### ABSTRACT

The study is focused on the religious liberalism brought on by the G25 which criticised the Law on Khalwat (Close Proximity) as an invasion to a person's private life. This study aims to identify how *Malaysiakini*, *Utusan Online* and *Sinar Online* carried out their reporting on religious liberalism. On top of that, the study looks at how the issues were being framed, rather than pinpointing the outstanding or selected issues by these three news portals which they felt the public should be aware of. As many as 85 articles from these three portals were collected (from 1 November 2015 until 31 January 2016) with the focus on revoking the

Khalwat Law by G25. The study concludes that there is nothing about politicising religion in G25's religious liberalism. Furthermore, it also revealed *Utusan Online* and *Sinar Online* upheld Islam based on the Constitution although these media had different ownership background. While *Malaysiakini* truly played up its free media agenda, continuously brought up the dissimilarities and took on the negative perspectives to encourage public to think. Furthermore, the study also defines the media translations of religious liberalism as an effort to marginalize religion, dislike to religious lifestyle and rejecting law which curb human rights and freedom. How the media did their selection and prominence about this topic rendered the liberalism concept as harmful to Muslims. The framing analyses clearly showed the way the media practitioners think – whether the news are meant to inform, just a report or to incite controversies.

Keyword: Framing, Portal, News, G25, Liberalisme

## PENGENALAN

Peranan media massa bukan sahaja terhad kepada menyampaikan maklumat, mendidik, mencetus pemikiran dan hiburan. Malah menurut pendapat yang dikemukakan Laswell (1948, 1960) bahawa media berperanan sebagai pengawas keadaan sekitar, menghadirkan perbincangan dan mengesyorkan perubahan, mencadangkan bagaimana untuk bertindak menghadapi perubahan atau masalah. Selain itu media massa juga berperanan menyampaikan ilmu pengetahuan dan nilai serta norma masyarakat dari satu generasi kepada satu generasi. (Severin & Tankard 1988).

Manakala Akbarzadeh dan Smith (2005) berpendapat media massa memainkan peranan sebagai agen sosial yang signifikan dengan kemampuan untuk mempengaruhi persepsi masyarakat. Sudut pandangan wartawan menjadi jelas menerusi andaian yang dibuat di dalam petikan pendapat sumber yang dipilih untuk memberikan pendapat bagi sesuatu artikel.

Menurut McCombs (2013) pengulangan isu yang disiarkan media massa setiap hari adalah menterjemahkan bahawa mesej yang hendak disampaikan mempunyai kepentingan atau disebut penonjolan. Khalayak menggunakan penonjolan yang dilakukan media untuk menyusun agenda mereka sendiri dan membuat pilihan isu yang menjadi keutamaan. Akhirnya isu yang sering diulang akan mendapat perhatian utama khalayak dan berita yang dipaparkan akan disetkan menjadi agenda khalayak.

## LATAR BELAKANG

Peranan media massa sangat besar dalam menyampaikan maklumat dan mempengaruhi khalayak yang dianggap penting. Menurut Mahi (2012) walaupun media massa memang tidak dapat menentukan *what to think* tetapi mampu mempengaruhi *what to think about*. Peranan media massa menjadi bertambah unik dengan keadaan Malaysia yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Setiap agama boleh diamalkan secara bebas di Malaysia walaupun secara jelasnya kedudukan Islam sebagai agama rasmi dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Seiring dengan itu, setiap isu yang melibatkan Islam dan agama-agama lain adalah suatu isu yang penting untuk dilaporkan.

Di Malaysia misalnya, sebagaimana pendapat yang dikemukakan Jha (dalam Muhammad Raqib dan Adnan, 2014) bahawa agama telah digunakan sebagai elemen untuk mengukuhkan kedudukan politik sejak pemerintahan Tun Mahathir Mohamad. Agama menjadi tonggak menguatkan pemerintahannya yang berhadapan dengan kepelbagaian pendapat daripada pemimpin parti politik. Ketika pemerintahannya, Tun Mahathir telah berjaya menggunakan dan mengendalikan isu agama dengan baik. Namun setelah peletakan jawatannya, agama telah digunakan sebagai senjata politik dan pilihan raya oleh ahli politik dengan sewenang-wenangnya dan semakin sukar dikawal.

Menurut Muhammad Raqib dan Adnan (2014), dalam kajiannya *Analisis Kualitatif Pembungkuan Akhbar The Star dan Utusan Online Mengenai Kontroversi Majlis Thanksgiving di DUMC*, sejak tsunami politik 2008, media tempatan semakin kerap melaporkan berita kontroversi agama, kaum dan politik.

Berlandaskan pendapat yang dikemukakan Muhammad Raqib dan Adnan (2014), maka tidak hairanlah apabila ada pihak tertentu cuba mencetuskan kontroversi agama. Kemudian media memainkan serta memaparkannya berulang kali sehingga isu tersebut dianggap penting oleh khalayak.

Hal sama berlaku apabila pertubuhan bukan kerajaan kumpulan G25 yang dianggotai sekumpulan bekas penjawat awam, mengenakan gelaran 'Melayu Profesional', lantang mengkritik Undang-undang Syariah dan institusi agama. Berbagai-bagai usul yang dikemukakan oleh G25 dalam mengkritik kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Kemuncak kritikan terhadap undang-undang syariah dan Islam bermula apabila surat terbuka G25 bertarikh 7 Disember 2015 kepada Perdana Menteri diserahkan secara rasmi. Antara lain, surat terbuka itu mencadangkan agar peruntukan Undang-undang Khalwat dikaji semula kerana mengganggu privasi dan hak kebebasan manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Kumpulan G25 menentang Undang-undang Khalwat yang didakwa mencerooboh kehidupan peribadi orang awam. Malah dalam mempertahankan hujahnya, G25 berpendapat hanya Malaysia merupakan satu-satunya negara Islam yang mempunyai undang-undang sedemikian. Kumpulan itu juga menegaskan bahawa kenyataan yang dikeluarkan mengenai Undang-undang Khalwat hanya satu gambaran pendirian G25 terhadap isu *moral policing*.

Dalam satu kenyataan rasmi yang dibuat di laman sesawang G25 pada 17 Disember 2015, menjelaskan mengenai komitmen kumpulan tersebut untuk mempertingkatkan Malaysia sebagai negara demokratik, aman, bertoleransi, moderat, berkedaulatan undang-undang yang mentadbir dengan saksama dan menghormati hak asasi manusia sambil menegakkan institusi awam negara. G25 juga komited untuk menggalakkan prinsip-prinsip keadilan, belas kasihan, keampunan, kerahmatan, ekuiti dan keharmonian dalam Islam bagi merealisasikan prinsip Maqasid Al Syariah dan Wasatiyyah berlandaskan al-Quran (G25 Malaysia).

Bermula dengan surat terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang bertarikh 7 Disember 2015, sejak itu berita yang bertunjangkan perkataan khalwat terus dibahaskan dari pelbagai sudut termasuk politik. Malah bukan itu sahaja, akhbar turut menyiarkan pendapat demi pendapat dari G25 yang berkaitan dengan Undang-undang Syariah dan mempersoalkan bidang kuasa institusi agama. Peluang itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh media sama ada arus perdana atau alternatif untuk membesarkan isu tersebut tanpa henti. Banyak pendapat tokoh-tokoh agama dan ahli politik yang diambil oleh media

untuk menyokong atau pun membantah kenyataan G25. Perkataan khalwat dan mengintai mengundang perdebatan di dalam media hingga menjadikannya satu isu besar yang harus diberi perhatian.

## PEMBINGKAIAN MEDIA

Entman (1993) mendefinisikan pembingkaiian sebagai pemilihan suatu aspek yang kelihatan realiti dan menjadikannya lebih menonjol dalam teks komunikasi. Dengan cara itu ia boleh mengenal pasti definisi masalah, penyebab masalah, penilaian moral dan cadangan penyelesaian masalah untuk isu yang dipaparkan. Pembingkaiian menyerlahkan sebahagian kecil maklumat daripada subjek yang menjadi topik perbincangan dengan itu dapat menambahkan lagi penonjolan. Dalam erti kata lain penonjolan adalah menjadikan maklumat tersebut lebih ketara, bermakna dan tidak dapat dilupakan oleh khalayak. Dengan penonjolan yang lebih banyak kemungkinan untuk penerima melihat maklumat yang disampaikan, mencerap maksudnya, menghadamnya dan disimpan dalam memori.

Hallahan (1999) pula berpendapat pembingkaiian adalah konsep yang dibina untuk menerangkan struktur mesej dan perbezaan respons yang ditunjukkan sebagai kesan daripada mesej tersebut. Dalam keadaan tertentu pembingkaiian boleh didefinisikan sebagai situasi kesan interaksi individu. Pembingkaiian berita adalah proses penting yang digunakan oleh media berita untuk mengaitkan sesuatu peristiwa agar ia relevan dan bermakna kepada khalayak.

Manakala Eriyanto (2008) pula menambah definisi pembingkaiian adalah satu kaedah untuk melihat cara media bercerita terhadap sesuatu peristiwa atau isu. Cara melihatnya adalah dengan menganalisis realiti yang dijadikan berita setelah media memahami dan membingkaiikannya. Sebab itulah setiap hari berita yang dilaporkan daripada peristiwa yang sama dengan cara berbeza oleh media.

Reese (2001) mencadangkan definisi kajian pembingkaiian bukan sekadar untuk meneliti kejelasan atau lebih banyak penonjolan kandungan, sebaliknya adalah usaha untuk memaparkan struktur dan pola yang tersembunyi di dalam teks media. Selain untuk mencari apa yang menyebabkan khalayak tertarik dengan struktur tersebut atau sekadar mengambil sikap tidak ambil tahu. Ia adalah proses naturalisasi dan rutin yang organisasi media sering amalkan.

Kajian ini menggunakan empat fungsi pembingkaiian berita oleh Entman (1993) untuk menganalisis artikel G25 di dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Entman, pembingkaiian melibatkan pemilihan dan penonjolan. Pada dasarnya apabila pembingkaiian berita dilakukan membawa maksud bahawa media membuat pilihan hanya pada aspek tertentu daripada sesuatu peristiwa atau isu yang kelihatan realiti. Daripada aspek terpilih itu maka ia dipaparkan berulang kali hingga menjadikannya menonjol di dalam teks komunikasi.

Pembingkaiian adalah sebagai usaha untuk memperlihatkan beberapa perkara tertentu; *problem definition* (pendefinisian masalah), *causal interpretation* (interpretasi penyebab), *moral evaluation* (membuat penilaian moral) dan *treatment recommendation for the item described* (saranan penyelesaian masalah yang telah dikenal pasti).

## TINJAUAN SUSASTERA

Penyelidikan berkaitan pembingkai berita menggunakan empat fungsi Entman (1993) telah banyak dijalankan. Menurut Holody (2006) sepanjang sejarah penyelidikan terhadap teori pembingkai telah berjaya membuktikan bahawa bingkai berita mempunyai kesan yang hebat dalam mempengaruhi bagaimana khalayak melihat dunia dengan cara mempengaruhi bagaimana berita itu diolah agar difahami.

Malah Muhammad Raqib (2014) daripada kajian yang dilakukan membuktikan bahawa akhbar memberikan pendedahan fakta dan maklumat mengenai sesuatu isu namun media massa tetap memberikan laporan yang berbeza berdasarkan interpretasi data dari sudut pandangan sendiri dan amalan organisasi masing-masing. Media menonjolkan hanya aspek tertentu daripada isu yang dibincangkan dan bias pada pihak tertentu mempengaruhi pandangan khalayak terhadap isu yang dibincangkan kemudian membuat interpretasi berdasarkan maklumat yang tidak sah dan palsu.

Dalam satu kajian pembingkai media yang dilakukan oleh Muhammad Raqib dan Adnan (2014) bagi meneliti dan membandingkan bagaimana dua akhbar arus perdana berlainan bahasa di Malaysia memaparkan isu konflik agama yang mencetuskan kontroversi berkaitan akidah dan kepercayaan umat Islam. Tumpuan kajiannya adalah terhadap kontroversi majlis Thanksgiving di Damansara Utama Methodist Church (DUMC). Tindakan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor menyerbu majlis tersebut mendapat liputan besar-besaran dari akhbar terutamanya *The Star* dan *Utusan Malaysia*.

Analisis pembingkai berita kualitatif menggunakan empat fungsi pembingkai Entman (1993) yang dilakukan mendapati kedua-dua akhbar telah memberi penekanan kepada konflik politik antara Pakatan Rakyat dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sewaktu menangi isu tersebut. *The Star* memberi penekanan dari sudut etika moral dengan mempersoalkan tindakan menyerbu gereja itu tanpa waran sah. Bagaimana pun *Utusan Malaysia* lebih mengutamakan laporan berita isu tersebut dari sudut perlembagaan dengan mempersoalkan tindakan DUMC seharusnya patuh serta menghormati peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang melarang menyebarkan agama lain ke atas orang Islam (Muhammad Raqib 2014).

Sementara itu, Karmini (2013) mengkaji berita tentang perlakuan Alvin dan Vivian yang dilaporkan akhbar. Kontroversi Alvin Tan dan Vivian Lee yang mempersendakan Islam melalui muat turun gambar sedang menikmati hidangan dengan kapsyen, 'Selamat Berbuka Puasa (dengan bak kut teh...wangi, enak, menyelerakan!)' (*Utusan Online*, 13 Julai 2013). Menambahkan lagi kemarahan umat Islam apabila pasangan itu memuat turun lagu yang dirakamkan Muslim Call to Prayer-Azan (*Sinar Harian*, 21 April 2013).

Dalam kajian itu Karmini membandingkan pembingkai berita *The Star* dengan *Malaysiakini*. Terdapat perbezaan antara kedua-dua akhbar tersebut dalam melaporkan kes Alvin dan Vivian. *The Star* banyak memainkan isu tersebut dan cuba berlaku adil tanpa memihak kepada pihak tertentu sahaja dan mempersoalkan hak kebebasan individu. Manakala *Malaysiakini* menganggap bahawa isu itu tidak memberi kepentingan berdasarkan liputan berita yang dipaparkan hanya mengambil daripada sumber agensi berita.

Analisis pembingkai isu liberalisme agama bukan sekadar dapat mengenal pasti bentuk pembingkai tetapi juga mendapati bahawa berlaku pembahagian media berdasarkan kepentingan kaum. Sebagaimana kajian yang dilakukan Halimahton et al., (2006)

menyatakan bahawa pecahan akhbar mengikut bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Cina dipengaruhi kepentingan komuniti tertentu. Kepentingan berita yang dilaporkan mewakili kaum tertentu berdasarkan bahasa pengantara yang digunakan oleh akhbar mengikut keutamaan komuniti.

Dalam kajian tersebut, Karmini membandingkan empat akhbar utama di Malaysia iaitu *New Straits Times*, *Utusan Malaysia*, *Malaysia Nanban* dan *Sin Chew Daily* dalam liputan berita kes Moorthy dan Nyonya Tahir. Kedua-dua kes itu adalah melibatkan perebutan mayat untuk disempurnakan sama ada secara Islam atau Buddha. Kumpulan penyelidik tersebut mendapati isu Moorthy dan Nyonya Tahir kurang mendapat liputan daripada akhbar di Malaysia. Kes Nyonya Tahir lebih banyak dilaporkan di *Sin Chew Daily* terutamanya pada upacara pengebumian berbanding akhbar yang lain. Sementara kes Moorthy mendapat tumpuan dari akhbar berbahasa Tamil, *Malaysia Nanban*. Namun apabila kedua-dua kes itu melibatkan Islam dan Mahkamah Syariah maka ia menjadi penting bagi akhbar berbahasa Melayu (*Utusan Malaysia*). Manakala *New Straits Times* mengambil peluang mengisi kekosongan untuk khalayak yang menggunakan medium penyampai bahasa Inggeris.

Yang dan Md Sidin (2011), menjalankan kajian berita isu murtad Lina Joy di dalam empat akhbar utama iaitu *Utusan Malaysia*, *The Star*, *Sin Chew Daily* dan *Mayasiakini*. Kajian tersebut menganalisis pbingkaiannya kontroversi agama berdasarkan perbandingan berita empat akhbar utama kes Lina Joy. Isu pertukaran agama Lina Joy dari Islam kepada Kristian berlaku pada 1999 menjadi hangat apabila dia mengambil tindakan untuk menukar status Islam di dalam kad pengenalnya. Keputusan kajian mendapati konflik Lina Joy adalah antara berita kontroversi agama yang paling menonjol, penting dan kerap dimainkan oleh media sama ada arus perdana atau alternatif.

Manakala kajian Ruslan et al., (2015) menyelidik berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dalam portal berita *Kompas.com* dan *Utusan Online*, tujuannya adalah untuk mengenal pasti bentuk pembinaan bingkai berita isu tersebut. Analisis isi kandungan menggunakan empat fungsi pbingkaiannya berita Entman (1993) bahawa terdapat perbezaan pbingkaiannya antara *Utusan Online* dan *Kompas.com*. Dari segi pendefinisian masalah, didapati *Kompas.com* menyatakan adanya pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan, manakala *Utusan Online* menafikan pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. Ruslan mengatakan perbezaan itu timbul disebabkan latar belakang pemilikan media, di mana *Utusan Online* dimiliki parti pemerintah sedangkan *Kompas.com* kepunyaan syarikat swasta. Perjuangan media dan agenda organisasi sudah pastinya berbeza, di mana *Utusan Online* mempertahankan pemerintah dalam setiap tindak tanduknya. Selain itu, dari sudut penyebab masalah pula di dapati *Kompas.com* dan *Utusan Online* juga mempunyai persamaan iaitu menilai propaganda media dan pihak-pihak tertentu sebagai sumber pergeseran. Begitu juga daripada aspek fungsi pbingkaiannya Entman yang ketiga iaitu penilaian moral, *Kompas.com* dan *Utusan Online* mempunyai tiga persamaan perspektif iaitu nasionalisme, menjaga hubungan baik, serta menjaga keamanan persempadanan oleh tentera. Terdapat persamaan dan perbezaan bentuk pbingkaiannya berita dalam *Kompas.com* dan *Utusan Online* namun di sebalik penemuan itu ada nasionalisme memainkan peranan penting dalam membentuk pbingkaiannya berita Camar Bulan dan Tanjung Datu.

Dapatan kajian Ruslan sesuai dengan pendapat bahawa pbingkaiannya media mempunyai kesan yang hebat dalam mempengaruhi bagaimana khalayak melihat dunia.

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Junaidi (2015) mendapati isu yang sama boleh dibingkaikan dengan cara yang berbeza oleh media tiga buah negara yang berlainan. Berdasarkan analisis pbingkaian berita jerebu yang melanda Malaysia, Indonesia dan Singapura pada Jun 2013 mendapati media ketiga-tiga negara mbingkaikan isu tersebut dari sudut pandangan yang berbeza. Kesan daripada pbingkaian berbeza menyebabkan konstruk realiti yang berlainan. Analisis pbingkaian berita dilakukan terhadap *Kompas.com* (Indonesia), *Utusan Online* (Malaysia) dan *The Straits Times.com* (Singapura) yang dilaporkan pada bulan Jun 2013. Media Indonesia, Malaysia dan Singapura, cenderung membuat pembelaan terhadap kepentingan negara masing-masing. Keadaan itu menunjukkan bahawa ketiga-tiga portal berita tersebut sedaya upaya cuba mempamerkan imej positif negara masing-masing dan menyalahkan negara lain. Namun, ketiga-tiga portal berita sepakat bahawa penyelesaian masalah tersebut adalah melalui kerjasama antara negara bagi mengatasi jerebu.

Kajian Aini Maznina dan Nerawi (2015), mendapati *Berita Harian*, *New Straits Times*, *The Star* dan *Utusan Malaysia* lebih menekankan isu Islam yang berkaitan untuk meraih kepercayaan pengundi bagi membuat pilihan semasa Pilihan Raya Umum ke-13. Dapatan kajian mereka menyokong gagasan Entman (1993), Chong dan Druckman (2007) bahawa pbingkaian melibatkan pemilihan dan penonjolan, yang mana hanya aspek tertentu sahaja kelihatan realiti dipilih dan dipaparkan dalam teks komunikasi. Ahli politik biasa menggunakan media arus perdana terutamanya akhbar bahasa Melayu untuk mempengaruhi pengundi Melayu berfikir tentang isu negara yang berkaitan dengan Islam. Pemilik media memainkan peranan penting dalam menentukan isu Islam yang berkaitan dan bagaimana pbingkaian dilakukan. Isu yang kerap dipaparkan media berkaitan hudud, kalimah Allah dan Islamic State.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Jika dilihat senario semasa kebanyakan akhbar lebih cenderung memainkan isu agama Islam dari sudut politik untuk mendapatkan sokongan pembaca. Biasanya isu agama mendapat perhatian pembaca dan boleh mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat terutamanya isu yang melibatkan isu berbilang kaum dan pelbagai agama. Dalam hal tersebut media massa memang memainkan peranannya serampang dua mata sama ada untuk mempertahankan Islam atau mempunyai muslihat tersembunyi untuk menggugat kedudukan Islam dalam perlembagaan.

Menurut Mahi (2012) media massa tidak ubah seperti pedang dua mata. Dengan kekuatan yang dimiliki, media mampu menyatukan peradaban dunia dan media juga mampu menghancurkan peradaban dunia.

Dengan memilih hanya isu tertentu untuk dipaparkan sementara mengabaikan isu yang lain sudah cukup untuk membentuk persepsi atau gambaran tentang situasi yang sedang digambarkan oleh media massa. Dalam melaporkan isu liberalisme agama tidak dapat dinafikan media massa menyampaikan betapa bahayanya aliran pemikiran tersebut kepada umat Islam. Namun yang menjadi masalahnya apabila pemaparan isu liberalisme agama itu digunakan media massa condong arah negatif. Hal itu akan menjadi satu ancaman kepada Malaysia yang dihuni oleh pelbagai penganut agama sehingga menimbulkan konflik antara agama serta menggugat keharmonian.

Media yang memperjuangkan kebebasan bersuara dan pro pembangkang menggunakan isu liberalisme agama sebagai umpan untuk menarik khalayak dengan menyentuh perspektif berbeza dalam pumbingkian beritanya. Manakala media yang pro pemerintah memiliki pumbingkiannya yang tersendiri untuk mempertahankan kedudukan Islam sebagai agama rasmi yang dijamin oleh perlembagaan. Sedangkan media yang bersifat seimbang bertindak mengikut keadaan semasa.

Masalah timbul apabila ketiga-tiga portal akhbar (*Malaysiakini*, *Utusan Malaysia* dan *Sinar Online*) melaporkan isu liberalisme agama dari sudut pemilikan media dan akhirnya memberikan pendapat berbeza. Perbezaan pendapat itu akhirnya akan mengelirukan khalayak kerana pumbingkian berita yang dipilih berbeza. Selain, melihat bentuk penonjolan dan pemilihan yang dilakukan oleh ketiga-tiga portal tersebut terhadap isu liberalisme agama G25 sebagai maklumat yang perlu diketahui oleh khalayak. Kesan daripada pemilihan dan penonjolan isu tersebut memberi ilham dan merangsang khalayak sama ada untuk menerima atau tidak maklumat yang disampaikan media.

Dalam kes G25 dan undang-undang khalwat, dilihat media benar-benar memainkan peranannya untuk menjadikan sesuatu isu itu penting untuk dibincangkan di peringkat negara. Perbincangan dan pendapat daripada tokoh agama, politik dan sarjana yang mahir dalam bidang keagamaan dilontarkan di dalam media. Semua media massa dari media arus perdana hingga portal berita atas talian memainkan isu yang sama. Isu khalwat diangkat sebagai isu yang paling besar mengalahkan isu ekonomi dan kepincangan politik negara.

Dalam kajian yang dilakukan Donkin (2012), berpendapat media adalah satu alat komunikasi yang paling berkuasa. Media boleh membantu mempromosikan perkara yang betul pada waktu yang tepat sebagaimana menyebarkan perkara yang salah. Melihatkan kepada peranan itu, media memang sudah berjaya memainkan isu tersebut hingga menjadi penting kepada khalayak. Namun persoalannya sejauh mana media berjaya menyampaikan maklumat dan terminologi khalwat dapat dijelaskan kepada masyarakat. Adakah media sekadar mengambil bahagian untuk merebut peluang mendapat jumlah pembaca yang ramai dengan menyiarkan isu tersebut?

Yang penting dalam analisis pumbingkaian adalah untuk melihat bagaimana wartawan dan media membina realiti dan bukannya untuk mencari adakah media melaporkannya secara negatif atau positif. Bagaimana realiti atau isu agama G25 dikonstruksi dalam berita *Malaysiakini*, *Utusan Online* dan *Sinar Online*. Kajian ini juga untuk meneliti ada bingkai yang berbeza antara kedua-dua portal berita itu dalam memahami dan mengkonstruksi isu agama G25. Perbezaan itu timbul kerana media memahami sesuatu isu dari sudut pandangan yang berlainan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Dalam konteks ini, tujuan kajian adalah untuk melihat pumbingkaian berita liberalisme agama G25 sama ada wujud persamaan atau perbezaan bingkai berita liberalisme agama G25 yang disiarkan dalam akhbar. Kajian ini, secara umum adalah untuk persamaan dan perbezaan pumbingkaian berita liberalisme agama G25 dan bentuk pumbingkaian dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*.



Pemilihan tiga portal berita tersebut adalah untuk membolehkan perbandingan paparan berita liberalisme agama dilaksanakan. Analisis kualitatif juga dilakukan di dalam kajian ini untuk mengenal pasti perbezaan yang wujud disebabkan pemilihan media berbeza. *Malaysiakini* menawarkan ruang yang lebih luas kepada khalayak yang mahukan berita alternatif dan bebas. Manakala *Sinar Online* lebih bersifat seimbang dan mengekalkan konsep tidak bias kepada mana-mana pihak. *Utusan Online* adalah media arus perdana yang dimiliki oleh Kumpulan Utusan dan jelas pemilikannya adalah UMNO.

Menurut Eichenauer (2016) media cetak sering meletakkan sempadan etnik sebagai sesuatu yang penting untuk memastikan kerajaan campuran boleh mengekalkan kuasa pemerintahannya. Media alternatif seperti *Malaysiakini* bukan sekadar melaporkan berita yang cuba dihindarkan oleh media perdana tetapi membina satu realiti baru kepada pembaca yang tidak kisah kepada bahasa.

Selain itu, pengkaji juga ingin melihat sejauh mana isu liberalisme agama G25 dilaporkan dalam media di Malaysia menerusi empat fungsi pembingkai berita yang dikemukakan oleh Entman (1993) dapat diaplikasikan dalam pembingkai berita isu liberalisme agama G25 dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*. Empat fungsi pembingkai tersebut adalah pendefinisian masalah, mengenal pasti sumber masalah, membuat penilaian moral dan mencadangkan penyelesaian masalah.

Kajian ini juga mahu melihat sejauh mana kebergunaan empat fungsi pembingkai berita oleh Entman (1993) di dalam melaporkan berita liberalisme agama G25 di dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*. Beberapa objektif kajian akan menggariskan sejauh mana teks berita G25 memberikan penjelasan kepada liberalisme agama yang dibawakannya. Setiap perkataan yang digunakan dalam pemberitaan memberikan makna tersendiri yang boleh menjelaskan maksud sebaliknya yang ingin disampaikan.

1. Menganalisis pembingkai berita G25 yang dipaparkan dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*.
2. Meneliti perbezaan pembingkai yang wujud dalam laporan berita G25 antara *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* berdasarkan pemilihan media.

Menerusi kajian pembingkai berita agama G25 dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* ini, maka ia adalah kesinambungan daripada analisis pembingkai berita kontroversi agama yang telah oleh sarjana terdahulu. Sebelum ini ada beberapa sarjana komunikasi pernah melakukan analisis pembingkai berita kontroversi agama. Halimahton et. al., (2006), menganalisis kes Moorthy dan Nyonya Tahir dalam empat akhbar utama di Malaysia. Kemudian Yang dan Md Sidin membuat kajian pembingkai konflik agama kes Lina Joy alah akhbar *Sin Chew Daily*. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Dafrizal et. al., (2011), menganalisis kontroversi karikatur Nabi Muhammad dalam dua akhbar utama. Karmini (2013), mengkaji pembingkai panik moral kes blog seks Alvin dan Vivien. Manakala Muhammad Raqib (2014), mengkaji kontroversi majlis Thanksgiving di DUMC. Pada 2015, Muammar Ghaddafi et. al., menganalisis kontroversi program *I wan to touch a Dog* daripada perspektif Melayu.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis kandungan berita dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* untuk mengenal pasti bagaimana media, wartawan dan sumber media melaporkan isu liberalisme agama G25.

Pengkaji memilih tiga portal berita untuk analisis pbingkaian berita iaitu *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*. Pemilihan tiga portal berita tersebut adalah kerana kedudukannya dalam indeks comScore 's Media Metrix pada Januari 2015. *Malaysiakini* berada pada kedudukan pertama manakala *Sinar Online* berada pada tangga kelima. Kedua-duanya portal berita berbahasa Melayu yang mendapat sambutan hangat dewasa ini. Menurut laporan comScore, *Malaysiakini* mendapat 1.25 juta pengunjung setiap bulan mengatasi *The Star*, *Harian Metro* dan *The Malaysia Insider*. Manakala *Sinar Online* sebuah akhbar tabloid berbentuk fizikal dan digital mendapat 773,000 pengunjung setiap bulan.

Kajian ini menggunakan empat fungsi pbingkaian berita oleh Entman (1993) untuk menganalisis artikel G25 di dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini*. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Entman, pbingkaian melibatkan pemilihan dan penonjolan. Pada dasarnya apabila pbingkaian berita dilakukan membawa maksud bahawa media membuat pilihan hanya pada aspek tertentu daripada sesuatu peristiwa atau isu yang kelihatan realiti. Daripada aspek terpilih itu maka ia dipaparkan berulang kali hingga menjadikannya menonjol di dalam teks komunikasi. Pbingkaian adalah sebagai usaha untuk memperlihatkan beberapa perkara tertentu; *problem definition* (pendefinisian masalah), *causal interpretation* (interpretasi penyebab), *moral evaluation* (membuat penilaian moral) dan *treatment recommendation for the item described* (saranan penyelesaian masalah yang telah dikenal pasti).

Kajian pbingkaian berita berkaitan isu liberalisme agama G25 ini dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif yang berpandukan kepada teori pbingkaian oleh Entman (1993). Terdapat empat fungsi pbingkaian berita Entman (1993) yang akan diguna pakai dalam kajian ini untuk menganalisis berita.

*Define problems* (Pendefinisian masalah)

Bagaimana sesuatu peristiwa/isu difahami oleh wartawan. Sebagai apa? Atau sebagai masalah apa? Diukur dengan nilai budaya.

*Diagnose cause* (Mengenal pasti masalah atau penyebab masalah)

Mengenal pasti apa yang menyebabkan masalah. Peristiwa/isu dilihat disebabkan oleh apa? Bagaimana desakan itu mempengaruhi masalah? Siapa aktor sebagai penyebab masalah? Apa yang dianggap masalah?

*Make moral judgment* (Membuat penilaian moral)

Menilai sebab dan akibat ejen. Apa nilai moral yang dipaparkan dalam memperdebatkan pendefinisian masalah yang dipilih. Apa nilai moral yang dipakai untuk menjelaskan masalah?

*Treatment recommendation* (Cadangan penyelesaian)

Apa penyelesaian yang ditawarkan untuk mengatasi masalah yang berlaku? Apa justifikasi penyelesaian untuk masalah dan meramalkan apa yang akan berlaku jika

masalah tidak menemukan jalan penyelesaian? Apa cadangan yang dikemukakan sumber/akhbar untuk menyelesaikan masalah?

### ANALISIS HASIL KAJIAN

Sebanyak 85 artikel yang memaparkan berita berkaitan isu liberalisme agama G25 dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* sepanjang tempoh kajian dari November 2015 hingga Januari 2016. *Utusan Online* dan *Sinar Online* menunjukkan peratusan kekerapan tertinggi iaitu 34.1 peratus (29 berita). Manakala *Malaysiakini* memaparkan sebanyak 31.8 peratus (27 berita).

Berikut adalah hasil analisis pembedahan yang dijalankan ke atas ketiga-tiga akhbar *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* mengikut empat fungsi seperti yang diperkenalkan oleh Entman (1993) adalah seperti berikut:

**Jadual 4.22: Perbezaan dan persamaan pembedahan berita G25 dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini***

Elemen	<i>Utusan Online</i>	<i>Sinar Online</i>	<i>Malaysiakini</i>
<b>Pendefinisian Masalah</b>	1. Perlembagaan 2. Ancaman 3. Etika Moral	1. Ancaman 2. Etika Moral 3. Perlembagaan	1. Justifikasi Isu 2. Politik 3. Perlembagaan
<b>Mengenal pasti Penyebab Masalah</b>	1. Mempertikai undang-undang syariah dan institusi agama 2. Pengaruh negatif, liberalisme, pluralisme yang meminggirkan agama	1. Mempertikai undang-undang syariah dan institusi agama 2. Pengaruh negatif, liberalisme, pluralisme yang meminggirkan agama	1. Mempertikai undang-undang syariah dan institusi agama 2. Menyalahkan sebelah pihak dan abaikan peranan untuk memperjelaskan Islam
<b>Membuat Penilaian Moral</b>	1. G25 mencabul kedaulatan undang-undang Islam, sensitiviti agama, tidak relevan, memalukan, keliru, gila, buta undang-undang, terdesak dan melampau 2. Serbuan dan intipan atas dosa peribadi salah di	1. G25 mencabul kedaulatan undang-undang Islam, sensitiviti agama, tidak relevan, memalukan, keliru, gila, buta undang-undang, terdesak dan melampau 2. Gagal memainkan peranan sebagai orang Islam dan	1. Serbuan dan intipan atas dosa peribadi salah di sisi perundangan Islam. Melanggar hak asasi dan kebebasan dalam Perlembagaan 2. Gunakan politik untuk bekerjasama dengan G25 dan ugutan rogol bukan

sisi perundangan Islam. Melanggar hak asasi dan kebebasan dalam Perlembagaan      bencikan Islam      perkara remeh

<b>Cadangan Penyelesaian masalah</b>	1. Perlu sekat penyebaran fahaman ekstrem dan bertindak tegas kerajaan, isytihar murtad dan segera bertaubat  2. Muzakarah, perbincangan untuk memperbetulkan kelemahan	1. Perlu sekat penyebaran fahaman ekstrem dan bertindak tegas kerajaan, isytihar murtad dan segera bertaubat  2. Memberi penerangan mengenai undang-undang Syariah dan kedudukan Islam dalam Perlembagaan	1. Perlu sekat penyebaran fahaman ekstrem dan bertindak tegas kerajaan, isytihar murtad dan segera bertaubat  2. Memberi penerangan mengenai undang-undang Syariah dan kedudukan Islam dalam Perlembagaan
--------------------------------------	---	---	---

## PERBINCANGAN

Penelitian perbezaan pemaparan isu G25 di dalam *Utusan Online*, *Sinar Online* dan *Malaysiakini* boleh dilihat berdasarkan keseluruhan hujah-hujah berkaitan analisis kajian mengenai pbingkaian. Kembali kepada konsep pbingkaian Entman (1993), adalah pemilihan dan penonjolan berkaitan sesuatu isu atau perkara. Sebagaimana yang dikatakan oleh Eriyanto (2002) bahawa menerusi analisis pbingkaian dapat dilihat bagaimana media memaknai, memahami, dan mbingkai sesuatu peristiwa yang dilaporkan. Metode itu digunakan adalah untuk mengerti dan mentafsir makna sesuatu peristiwa yang dilaporkan dengan menganalisis bingkai berita. Peristiwa yang sama boleh jadi dibingkaikan dengan cara berbeza oleh media yang berlainan.

*Utusan Online* dan *Sinar Online* selari dalam mendefinisikan masalah liberalisme agama G25 iaitu dari sudut perlembagaan, ancaman dan etika moral. Dalam hal itu, *Utusan Online* dilihat benar-benar cuba untuk mempertahankan undang-undang Khalwat yang dicadangkan pemansuhannya dengan memberikan rasionalisasi kenapa ia perlu dipertahankan? Berita-berita yang dipaparkan di dalam *Utusan Online* lebih berbentuk bantahan terhadap cadangan yang dikemukakan G25. Pernyataan bantahan itu dikukuhkan melalui penegasan bahawa isu yang dibangkit G25 amat penting untuk diambil perhatian dengan memberi ruang kepada wartawan berhujah menyatakan pendirian. Aspek etika moral yang diperjuangkan *Utusan Online* berkait tindakan G25 adalah tidak relevan kerana orang Islam mempertikaikan undang-undang Syariah. Perkara itu tidak seharusnya berlaku kepada

orang Islam yang benar-benar memahami Islam malah yang mengeluarkan pendapat tersebut adalah golongan yang berpendidikan tinggi.

Walaupun *Sinar Online* mendefinisikan masalah isu G25 sama seperti *Utusan Online* tetapi terdapat sedikit perbezaan cara isu tersebut diketengahkan. *Sinar Online* tetap memegang prinsip bebas dalam penulisannya dengan memberi peluang yang sama banyak kepada kumpulan G25 untuk bersuara juga kepada tokoh agama yang mewakili kerajaan untuk meluahkan pendapat. Kumpulan G25 memberikan rasional mengapa cadangannya memansuhkan undang-undang Khalwat perlu, kerana menceroboh hak asasi dan kebebasan individu. Pada masa yang sama *Sinar Online* memberi peluang seluasnya kepada tokoh agama memberi hujah mempertahankan undang-undang tersebut.

Namun apabila dilihat kepada *Malaysiakini* terdapat perbezaan yang ketara dalam memaparkan isu G25. *Malaysiakini* memilih memaparkan berita yang berbentuk justifikasi isu kepada permasalahan yang dibawa oleh G25. Pembingkai berita G25 dari aspek justifikasi isu membawa perbincangan lebih jauh, bukan sekadar pemansuhan undang-undang khalwat sahaja. *Malaysiakini* mencari maklumat-maklumat lain yang terkait dengan khalwat yang lebih menumpukan kepada prosedur tangkapan khalwat iaitu intipan dan serbuan.

Perbincangan yang diutamakan lebih kepada pemaknaan intipan dalam undang-undang Islam. Intipan dosa peribadi sesuatu yang dilarang dalam Islam, apabila pintu rumah ditutup, orang luar tidak boleh mengintip perbuatan tuan rumah. Sesuatu yang dikatakan mungkar itu apabila sudah nyata di hadapan mata. *Malaysiakini* memang benar-benar memperjuangkan agenda medianya, bebas, mencetuskan perbezaan dan ambil yang negatif supaya khalayak berfikir.

Dilihat juga, *Malaysiakini* memaparkan isu G25 daripada aspek politik yang tidak ada kaitan langsung dengan isu pemansuhan undang-undang khalwat. Isu pemansuhan undang-undang khalwat tidak dipolitikkan tetapi *Malaysiakini* memaparkan perbalahan yang berlaku antara G25 dengan Tun Dr. Mahathir dan Tan Sri Muhyiddin untuk menumbangkan Perdana Menteri.

*Utusan Online* dan *Sinar Online* sepakat mengatakan punca masalah cadangan pemansuhan undang-undang khalwat adalah disebabkan pengaruh liberalisme yang sudah meresap dalam pemikiran G25. Manakala *Malaysiakini*, menyalahkan pihak berkuasa agama atau bijak pandai agama kerana gagal memperjelaskan tentang Islam. Malah tindakan mengecam serta menyalahkan G25 sahaja bukan jalan yang betul.

*Utusan Online* dan *Sinar Online* seiring mengatakan bahawa tindakan G25 sebagai mencabul undang-undang Islam, sensitiviti agama, tidak relevan, memalukan, keliru, gila, buta undang-undang dan melampau. Manakala *Malaysiakini*, lebih mengatakan bahawa tindakan mengintip dan serbuan ke atas dosa peribadi salah di sisi undang-undang Islam dan melanggar privasi serta kebebasan individu.

Walaupun dalam banyak aspek *Malaysiakini* lebih banyak menunjukkan perbezaan namun saranan penyelesaian masalah G25, *Malaysiakini* selari dengan *Utusan Online* dan *Sinar Online*. Pemikiran G25 perlu disekat dan kerajaan tidak boleh pandang ringan hal tersebut.

Perbezaan pembingkai antara *Utusan Online* dan *Sinar Online* dengan *Malaysiakini* didasari pemilikan media yang mengawal bentuk berita yang disiarkan. *Utusan Online* juga

mendukung agenda yang ditetapkan Utusan Melayu/Malaysia iaitu mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Begitu juga dengan *Sinar Online* yang mendukung prinsip mempertahankan agama dan perlembagaan tanpa melupakan kebebasan bersuara. *Malaysiakini* memang sepenuhnya bebas, menjadikan isu negatif sebagai tumpuan melaporkan berita.

Keputusan kajian ini dari segi peminggiran selaras dengan kajian Muhammad Raqib (2014) media di Malaysia apabila membincangkan isu agama tidak boleh lari daripada menyentuhnya dari sudut perlembagaan. Sesuatu kritikan yang dilontarkan terhadap agama Islam dikatakan tidak menghormati Perlembagaan yang menjamin kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Dari satu sudut yang lain keputusan kajian ini tidak menyokong beberapa kajian yang lain seperti Mohd Hilmi (2012), Yang dan Md Saidin (2011), Yang dan Md Sidin (2012) yang mengatakan laporan mengenai konflik agama Islam di Malaysia telah dipolitikkan. Kajian ini mendapati tidak timbul isu mempolitikkan konflik agama Islam G25 yang lebih disentuh dari sudut perlembagaan dan hak kebebasan. Suatu yang dapat dikenal pasti daripada kajian ini, *Utusan Online* dan *Sinar Online* mempertahankan Islam berdasarkan kepada perlembagaan. Manakala *Malaysiakini* mempersoalkan undang-undang Islam berdasarkan hak kebebasan individu yang dijamin dalam perlembagaan seperti dalam kajian Karmini (2013).

Perbezaan dapatan kajian ini dengan beberapa kajian lalu ada kemungkinan disebabkan isu G25 tidak melibatkan orang bukan Islam dan tidak mengheret kaum lain bersama dalam konflik. Kajian ini adalah konflik agama yang dicetuskan oleh orang Islam terhadap undang-undang Islam tanpa ada unsur-unsur politik. Cuma yang jelas dapat dilihat dalam pertikaian undang-undang khalwat ini hanya orang Melayu yang mempertahankan Islam apabila ia dikritik. Sedangkan Islam itu bukan terhad kepada Melayu sahaja tetapi milik semua bangsa selagi ia menganut Islam.

### **Takrifan Liberalisme**

Satu lagi, perkara baru yang berjaya dicungkil dalam kajian ini adalah tafsiran liberalisme pada media. Perkara yang paling ditakuti media adalah ancaman Islam Liberal ke atas umat Islam di Malaysia. Mengikut hujah Wan Adli (2012), liberalisme agama boleh dirumuskan sebagai pemikiran yang ingin melonggarkan kepercayaan keagamaan atau dengan maksud lain hubungan antara alam, manusia dan Tuhan perlu dibebaskan dari kongkongan Undang-undang Tuhan. Untuk mencapai tujuan itu golongan liberal akan memperjuangkan agar ajaran-ajaran agama dihapuskan dan dilakukan perubahan agar hubungan manusia, alam dan tuhan boleh ditafsirkan dengan cara terbuka.

Dalam hal pengaruh liberalisme agama, media mempunyai tafsiran yang selaras dengan sarjana bahawa liberalisme agama adalah meminggirkan agama dan menolak undang-undang yang mengongkong hak asasi dan kebebasan manusia walaupun sebenarnya undang-undang itu bersumberkan daripada al-Quran serta hadis.

Apabila istilah liberalisme agama digunakan, media tidak sewenang-wenang melabelkan tindakan mengkritik dan cadangan menghapuskan undang-undang syariah sebagai membawa pengaruh ekstrem liberalisme. Dalam kajian ini menemukan bahawa media tafsirkan faham liberalisme agama dari berita yang dikonstruksi sebagai;

- i. Idea yang bertentangan dengan ajaran Islam
- ii. Mentafsir agama mengikut nafsu
- iii. Menolak undang-undang Islam yang mengongkong kebebasan manusia
- iv. Urusan agama harus dipisahkan secara tegas dengan urusan kerajaan
- v. Kerajaan tidak boleh terbabit dengan urusan agama rakyat.
- vi. Apa sahaja undang-undang yang menyentuh hak privasi dan kebebasan manusia adalah salah serta perlu dihapuskan.

Pemilihan dan penonjolan yang dibuat media dalam isu ini menjadikan konsep liberalisme itu difahami kenapa ia mendatangkan bahaya kepada umat Islam. Media meletakkan konsep liberalisme sebagai ancaman paling bahaya kerana ia meminggirkan agama dan tidak suka hidup beragama.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *Utusan Online* dan *Sinar Online* mengambil pendekatan yang tegas apabila menyentuh isu agama G25. Di mana kedua-duanya membingkaikan isu tersebut daripada aspek Perlembagaan, Ancaman dan etika moral. Hal itu, berlainan dengan *Malaysiakini* yang memfokuskan isu tersebut dari aspek justifikasi isu dan politik.

Sebagaimana prinsip *Malaysiakini* yang selalu inginkan perbezaan dalam melaporkan berita itulah yang ditonjolkan. *Malaysiakini* melaporkan isu G25 pemansuhan Undang-undang Khalwat dari sudut yang berbeza, bukan sekadar menyatakan bantahan sebaliknya menambah dengan maklumat lain. Pembingkai berita agama G25 dibuat oleh *Malaysiakini* lebih kepada memberi penerangan kepada isu intipan dan tasjassus dalam Islam. *Malaysiakini* membuka ruang kepada perbincangan yang lebih mendalam hal berkaitan dengan intipan dosa peribadi yang dilakukan rumah sendiri tidak dikategorikan sebagai dosa.

Ternyata pemilik media mempengaruhi bagaimana berita disampaikan oleh media tertentu. Setiap portal berita mempunyai agenda media yang dikawal oleh pemilik media tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai orang Islam mempertahankan agama. Walaupun membingkai dengan cara yang berbeza, pada akhirnya ketiga-tiga portal bersetuju bahawa fahaman ekstrem liberalisme harus disekat demi menjaga keharmonian masyarakat.

## RUJUKAN

- Aini Maznina A. Manaf & Nerawi Sedu. 2015. Framing Islam-related issues during GE13: An analysis of Malaysian mainstream newspapers. *Intellectual Discourse*, 23(1):29-52
- Donkin, A. 2012. Australian National School Chaplaincy Program: A Critical Discourse Analysis of Online Newspaper Portrayals. *Tesis degree of Bachelor of Communications Honours Faculty of Education and Arts*. Edith Cowan University.

- Akbarzadeh Shahram, & Smith, B. 2005 The Representation of Islam and Muslims in the Media (The Age and Herald Sun Newspapers). *School of Political and Social Inquiry*. Melbourne: Monash University.
- Bowe, B. J. & Makki, T.W. 2015. Muslim Neighbors or An Islamic Threat? A Constructionist Framing Analysis of Newspaper Coverage of Mosque Controversies. *Media, Culture & Society*. 38 (4): 540-558.
- Dafrizal, Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee dan auziah Ahmad. 2013. Trend pemberitaan isu keganasan dalam akhbar perdana Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*. 29(2):189-202.
- Entman, R. M. 1993. Framing : Towards Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*. 43 (4): 51-58.
- Eriyanto. 2008. *Analisis Framing, Konstruksi, Ideology dan Politik Media*. Yogyakarta: LkiS
- Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua dan V. Raman. 2006. Covering Race And Religion: The Moorthy And Nyonya Tahir Cases In Four Malaysian Newspapers. *Kajian Malaysia*. XXIV(1&2): 185-201.
- Hallahan, K. 1999. Seven Models of Framing: Implications for Public Relations. *Journal of Public Relations Research*. 11(3): 205-242.
- Holody, K. J. 2006. *Framing Death: The Use Of Frames In Newspaper Coverage Of And Press Releases About Death With Dignity*. Saarbrcken: VDM Verlag Dr. M Iler.
- Junaidi, J., 2015. Peningkatan Pemberitaan Kabut Asap Pada Media Online terpilih Di Indonesia, Malaysia dan Singapura. *Pustaka Budaya (e-Journal)*. 2(1).
- Karmini, A. N. 2013. Framing Moral Panic: A Comparative Analysis of the Alvin and Vivien Sex Blog Coverage by The Star and *Malaysiakini*. Artikel ini dibentangkan di persidangan Asian Media Information and Communication, 2013. Mahi M. Hikmat. 2012. Kebebasan Pers Kaitannya Dengan Penodaan terhadap Martabat Agama. *Al-Tsaqâfa*. 9 (1): 8-17. Jun 2012
- McCombs, M., 2013. *Setting the agenda: The mass media and public opinion*. John Wiley & Sons.
- Mohd Hilmi Hamzah, Nur Qurratul' Aini Ismail, Kamarudin Ngah, Jamaludin Mustaffa, Mohd Fitri Abdul Rahman & Zaherawati Zakaria. 2014. Permatang Pauh by Elections: Analysis Approach Framing Content in the Prime Media Selected. *Asian Social Science*. 10 (4): 46.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein. 2014. Analisis Kualitatif peningkaian Akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai Kontroversi Majlis 'Thanksgiving' di DUMC. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 30(1): 117-146.
- Muammar Ghaddafi & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. Kontroversi Program "i want to touch a dog" Dalam Media Kontemporari Daripada Perspektif Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(2): 195-210.



- Ruslan Ramli, Chang Peng Kee & Shahrul Nazmi Sannusi. 2015. Pembingkai Berita Persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu, Kalimantan Barat. *Jurnal Komunikasi. Malaysian Journal of Communication*. 31(2): 341-370
- Reese, S. 2001. *Framing public life: A bridging model for media research*. In S. Reese, O. Gandy, & A. Grant (Eds.), *Framing public life* (pp. 7–31). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Severin, W.J., Tankard, J.W., Lowe, V. and Hassan, A., 1988. *Teori komunikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya Liberalisme dan Pluralisme Agama Terhadap Akidah Belia Muslim*. Cetakan Pertama. Johor Baru: Majlis Agama Islam.
- Yang Lai Fong dan Leong Wai Kit. 2017. Framing the Cow-Head Protest: A Comparative Analysis of The Star and *Malaysiakini*. *The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*. 9 (1): 71-96
- Yang Lai Fong dan Md Sidin Ahmad Ishak. 2012. Framing Interethnic Conflict in Malaysia: A Comparative Analysis of Newspaper Coverage on the Hindu Rights Action Force (Hindraf). *International Journal of Communication*. 6 (2012):166 189